

TARIKH	20 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	2	RUANGAN	Nasional

Seri Paduka, Raja Permaisuri berangkat ke Makkah

Sepang: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berangkat menunaikan haji, semalam.

Pesawat khas yang membawa baginda serta rombongan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, jam 10.45 pagi dan selamat tiba di Lapangan Terbang Putera Mohamed Abdul Aziz, Madinah, kira-kira jam 8.10 waktu Malaysia.

Selamat tiba di Madinah

Rombongan baginda disambut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Gabenor Madinah, Putera Abdulaziz Majed dan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Datuk Syed Omar Al-Saggaf.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman serta Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Azizan Abdul Razak mengucapkan selamat berangkat kepada baginda.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor turut menghadap baginda berdua di



Tuanku Abdul Halim bersama Tuanku Hajah Haminah berkenan menerima menghadap Najib dan isteri, Rosmah **bagi mengucapkan selamat berangkat menunaikan fardu haji**, di Istana Negara, semalam. [FOTO BERNAMA]

Istana Negara, bagi mengucapkan selamat berangkat.

Pasangan Diraja dijadual berangkat bertemu jemaah haji Malaysia pada jam 9.30 pagi di Ibu Pejabat Tabung Haji di Makkah, Isnin ini.

Tuanku Abdul Halim dan

Tuanku Hajah Haminah dijadual pulang ke tanah air pada 31 Oktober.

Turut mengiringi Seri Paduka berdua ialah anakanda Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz dan Datuk Seri Tunku Soraya, Datuk Seri Iskandar Dzulkar-

nain Sultan Idris Shah, Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah, Tunku Temenggong Kedah, Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah dan Toh Puan Temenggong Kedah, Puan Sri Tengku Maliha Tengku Ariff. **BERNAMA**